

## **BANTUAN PERUBATAN (PERALATAN DAN SOKONGAN PERUBATAN)**

### **OBJEKTIF**

Membantu meringankan beban pesakit Asnaf Fakir dan Miskin yang memerlukan peralatan atau makanan kesihatan untuk keperluan perubatan.

### **KEKERAPAN**

Kadar bantuan diberi sekali sahaja.

### **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

1. Pemohon hendaklah penduduk Islam Sarawak dan Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak.
2. Pendapatan pemohon/keluarga mestilah kurang atau pada paras Had Al-Kifayah Asnaf Miskin.
3. Pemohon perlu mengemukakan maklumat rawatan dengan menggunakan Borang Akuan/Pengesahan Perubatan yang disahkan oleh doktor atau pegawai Hospital Kerajaan dan Hospital Swasta atau Klinik Kesihatan Kerajaan atau
4. Pemohon hendaklah mendapat surat pengesahan Perubatan daripada pihak Hospital Kerajaan, Hospital Swasta atau Klinik Kesihatan Kerajaan.
5. Pemohon hendaklah mengemukakan sebut harga (terkini) bagi bantuan peralatan kekal dan peralatan sementara daripada pihak pembekal.
6. Dalam kes-kes tertentu, hasil siasatan dan laporan daripada pegawai penyiasat (Pegawai Tabung Baitulmal Sarawak/Sukarelawan/Diae Hospital/Khidmat Sosial Hospital).

### **DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)**

1. Dokumen asas.
2. Borang Akuan/Pengesahan Perubatan.
3. Surat pengesahan dan Sokongan daripada pihak Hospital Kerajaan, Hospital Swasta atau Klinik Kesihatan Kerajaan.
4. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.